

# UMS meterai MoA dengan Unimas dalam bidang penyelidikan

NST 26.11.16 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan.

Perjanjian yang julung kalinya diadakan itu menyaksikan kedua-dua universiti awam berkenaan masing-masing akan menyumbang peruntukan geran penyelidikan sebanyak RM250,000 untuk tempoh dua tahun.

Bidang penyelidikan yang terlibat ialah Sains Tulen, Sains Tabii & Warisan Negara, Sains Kesihatan & Klinikal dan Sains Sosial.

Dalam majlis menandatangani perjanjian itu, UMS diwakili oleh Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah sementara Unimas diwakili Naib Canselornya Prof Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

Turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Unimas Prof. Dr. Kopli Bujang, Pendaftar UMS No'man Datuk Hj. Ahmad, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi

UMS Prof.Madya Dr.Lee Ping Chin dan Pengarah Unimas Innovation Prof.Dr.Lo May Chiun.

Ketika berucap pada majlis itu Mohd Harun berkata, kerjasama antara UMS dan Unimas antara lain bertujuan menyahut seruan kerajaan agar institut pengajian tinggi awam menjalin kerjasama erat dengan institut pengajian tinggi awam yang lain.

"Kita mempunyai kekuatan tersendiri dan persamaan misalnya dalam bidang biodiversity dan marin. Kita berharap melalui kerjasama ini akan dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua universiti," katanya pada majlis itu, di Bangunan Canselori UMS, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata objektif perjanjian itu ialah untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti, menyokong agenda penyelidikan universiti untuk membina kepakaran dan bidang tujahan serta membina hubungan erat antara industri dan masyarakat.

"Selain itu ia juga bertujuan meningkatkan amaun dan kualiti penyelidikan, meningkatkan bilangan penyelidik yang berkualiti dan meningkatkan bilangan penerbitan," katanya.



**TUKAR DOKUMEN...Mohd Harun (empat dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Mohamad Kadim.**

Sementara itu Mohamad Kadim berharap perjanjian kolaborasi antara Unimas dan UMS akan memberi manfaat kepada kedua-dua universiti.

"Kita akan bekerja kuat untuk memastikan semua perancangan berjalan lancar dan mencapai

sasaran yang telah ditetapkan.

"Kedua-dua universiti mempunyai kepakaran dan kekuatan tersendiri dalam bidang-bidang tertentu. Apabila digabungkan, saya pasti ia memberikan manfaat besar kepada Unimas dan UMS," katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN**